

17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**

**TARIKH : 23.11.2017**

**SOALAN : NO. 24**

**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan perkembangan semasa pembinaan Hospital Pengajar UniSZA.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) telah diluluskan pelaksanaannya dengan kapasiti 400 buah katil dan projek ini akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 melibatkan pembinaan untuk kapasiti 200 buah katil termasuk kerja-kerja infrastruktur dengan kos sebanyak RM345 juta. Fasa 2 pula akan melibatkan pembinaan bagi kapasiti 200 buah katil lagi dengan kos sebanyak RM255 juta.

Tarikh masuk tapak atau projek telahpun dimulakan oleh pihak kontraktor pada 21 Mac 2016. Sehingga 30 September 2017, status kemajuan kerja-kerja fizikal telah mencapai 9.7%. Projek ini dijangka siap pada bulan November 2019.